

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah Kementerian akan menambah dana penyelidikan di IPTA untuk pembangunan kajian perikanan yang menjadi salah satu sumber utama makanan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa memberikan keutamaan kepada geran-geran penyelidikan yang berbentuk pemindahan pengetahuan (*knowledge transfer*) dan memberi impak kepada pihak berkepentingan, termasuklah yang melibatkan kajian perikanan yang berkait rapat dengan kepentingan rakyat. Makanan laut terutamanya ikan merupakan sumber protein yang sangat penting dalam diet rakyat Malaysia.

Mengambil kira kepentingan ini, pihak KPT telah membiaya projek-projek yang berkaitan dengan perikanan sejak tahun 2011. Lebih dari 100 projek telah diluluskan di bawah dana penyelidikan KPT berkaitan perikanan dan akuakultur. Topik-topik berkaitan perikanan yang telah diluluskan di bawah dana penyelidikan KPT merangkumi bidang teknologi makanan, pemprosesan produk, bioteknologi perikanan, kejuruteraan akuakultur, kesihatan organisma akuatik, rekabentuk dan sistem akuatik, ekologi akuatik serta lain-lain topik berkaitan.

Geran yang diperuntukan oleh KPT adalah mencukupi untuk semua jenis penyelidikan termasuk bidang perikanan. KPT akan memastikan IPT-IPT yang mempunyai bidang tujahan yang bersesuaian untuk meningkatkan tahap penyelidikan mereka khususnya dalam bidang perikanan.

Sekian, terima kasih.